

# KL BANJIR LAGI!

Jalan  
sesak  
teruk

193  
mangsa  
dipindah

Pelajar  
sekolah  
diselamat


BAH...orang ramai menghargai air di Batu 4, Jalan Klang Lama.  
- Gambar ABD RAHIM RAHMAT



**SELAMAT DIRI...**sekumpulan pemuda menyelamatkan diri dengan duduk di atas sebuah kereta di Batu 4, Jalan Klang Lama.



**MACAM MANA INI...**seorang pemandu trailer yang terperangkap terpaksa keluar dari kenderaannya.



**TENGGELAM...**sebuah kereta dan bas terperangkap dalam banjir di jalan susur keluar ke Kuala Lumpur, Lebuhraya Besraya.

Oleh Mohd Sabran Md Sani  
sab@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Hujan lebat selama tiga jam bermula kira-kira jam 2 petang semalam, mengakibatkan beberapa kawasan di sekitar ibu kota ditenggelami air, manakala ratusan kenderaan terperangkap dalam kesesakan jalan raya.

Jurucakap polis trafik Kuala Lumpur berkata, pihaknya menerima laporan lapan lokasi banjir di sekitar ibu negara bermula jam 2.30 petang.

Antara jalan dilanda banjir kilat termasuk Lebuhraya Besraya, Taman Shamelin, Bulatan Billion di Cheras, Jalan TUDM Sungai Besi, Jalan Peloh berhampiran Kampung Pandan dan Jalan Tun Razak.

Menurutnya, seramai 60 anggota trafik berkwat di semua lokasi terbabit bagi membantu melancarkan lalu lintas yang mengalami kesesakan teruk.

Tinjauan Harian Metro di sekitar bandar raya mendapati lalu lintas sesak apabila kenderaan terperangkap dalam banjir kilat termasuk di Lebuhraya Besraya, susur keluar ke Seremban dari Jalan Tun Razak di Sungai Besi dan Jalan Pantai Baru.

Seperti kelaziman setiap kali selepas hujan lebat, Kampung Thambipillay, Jalan Klang Lama, dinaiki air sedalam satu meter dan memusnahkan hampir keseluruhan barangan berharga milik penduduk, termasuk perabot dan perkakas elektrik.

Situasi mencemaskan itu menyebabkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui Skwad Penyelamatnya memindahkan hampir 80 penduduk ke penempatan sementara di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (Cina) Choong Wen, Batu 4, Jalan Klang Lama.

Selain itu, hampir 113 penduduk sekitar Salak Selatan dipindahkan ke Dewan Orang Ramai Kampung Baru Salak Selatan dan mereka diberikan makanan, sementara menunggu bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Tinjauan turut mendapati beberapa kenderaan mengalami kerosakan selepas kereta ditenggelami air ketika melalui kawasan banjir berkenaan dan keadaan itu turut menyumbang kepada kesesakan lalu lintas.

Difahamkan, Skwad Penyelamat DBKL terpaksa memindahkan pelajar sekolah di sekitar Salak Selatan dengan menggunakan dua bot ke kawasan lebih selamat, sekali gus memudahkan mereka pulang ke rumah.



**TIMBA...**mangsa banjir di Jalan Klang Lama membuang air banjir dalam rumah.